

HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KENDIRI DAN KERESAHAN TERHADAP
MOTIVASI PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DALAM KALANGAN
PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA

AINOL HAKIM BIN ANUAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

DEDIKASI

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang
Segala Puji Bagi Allah Tuhan Sekalian Alam
Selawat Dan Salam Buat Junjungan Baginda Nabi Muhammad S.A.W
Teristimewa Buat Keluarga,
Ayahanda Yang Disayangi, Anuar Bin Hj Siraj
Bonda Yang Dicintai, Halimah Binti Md Yatim
Saudaraku Yang Sering Membantu, Aiman Haziq Bin Anuar
Dan Penyelia Projek Yang Tidak Putus-Putus Memberikan Sokongan Untuk
Diriku Ini, Dr. Mohd Rustam Bin Mohd Rameli
Jutaan Terima Kasih Atas Segala Jasa Baik Dan Pengorbanan Yang
Diberikan
Semoga Allah Sentiasa Memberikan Keberkatan Dan Rahmat Kepada Kalian
Semua

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi dengan nikmat kurnia dan kasih sayang dariNya, saya dapat menyiapkan laporan projek sarjana ini bagi memenuhi sebahagian daripada penganugerahan Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan). Walaupun pada hakikatnya terdapat banyak cabaran dan dugaan yang dihadapi sepanjang tempoh projek ini dijalankan ketika pandemik COVID-19 berlaku.

Pertama sekali, ucapan setinggi-tinggi penghargaan buat Dr Mohd Rustam Bin Mohd Rameli selaku penyelia yang telah banyak memberikan sokongan, bimbingan dan tunjuk ajar di sepanjang tempoh proses menyiapkan Sarjana Pendidikan ini. Selain itu, penghargaan juga diberikan kepada rakan seperjuangan yang sama-sama berkongsi semangat dan motivasi dalam menyiapkan laporan projek sarjana ini dengan jayanya.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang telah banyak membimbing dan mencurahkan ilmu pengetahuan sepanjang sesi pengajian saya di sini. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua yang sentiasa membantu saya dalam menyempurkan pengajian saya. Semoga segala usaha dan bantuan kalian mendapat berkat dan rahmat dariNya. Sesungguhnya, hanya Allah sahaja yang mampu membalas kebaikan kalian.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 yang melanda negara mengakibatkan peralihan kaedah pembelajaran pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dari pertemuan secara fizikal di kelas kepada pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara efikasi sendiri dan keresahan diri terhadap motivasi pelajar ijazah sarjana muda di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor. Tidak banyak kajian yang dilakukan untuk melihat hubungan secara serentak antara ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut khususnya dalam konteks pelajar IPT yang sedang mengikuti pembelajaran dalam talian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kolerasi dan melibatkan tiga instrumen soal selidik iaitu "*Self-Efficacy Questionnaire for Online Learning*" (SeQoL), "*Anxiety Scale Item*" dan "*Academic Motivation Scale*"(AMS). Seramai 306 orang pelajar ijazah sarjana muda meliputi pelajar tahun 1 hingga tahun 4 FSSK yang terlibat dalam kajian ini. Analisa deskriptif menunjukkan pelajar yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap efikasi sendiri yang sederhana, keresahan diri yang rendah dan motivasi diri yang sederhana terhadap pembelajaran dalam talian. Sementara itu, analisa kolerasi spearman menunjukkan keputusan hubungan yang sederhana tinggi positif ($r = 0.601$) yang signifikan antara efikasi sendiri pelajar dengan motivasi. Sementara itu, hubungan antara keresahan diri dengan motivasi diri pelajar mencatatkan nilai kolerasi lemah yang negatif ($r = -0.390$) dan signifikan. Analisa regresi berganda yang dijalankan menunjukkan keputusan efikasi sendiri ($\beta = 0.615$, $p < 0.05$) telah menyumbang sebanyak 37.6% ($r = 0.615$) pada perubahan varians terhadap motivasi pelajar [$F(1, 304) = 184.512$, $p < 0.05$]. Manakala efikasi sendiri dan keresahan pula menghasilkan keputusan ($\beta = -0.237$, $p < 0.05$) yang menyumbang kepada perubahan varians sebanyak 42.1% ($r = 0.652$) dalam motivasi pelajar [$F(2, 303) = 111.998$, $p < 0.05$]. Kajian ini memberikan implikasi kepada pihak pengurusan institusi pengajian tinggi (IPT), para pensyarah dan pelajar IPT khususnya untuk membantu pelajar mengekalkan tahap efikasi yang tinggi serta mengawal keresahan diri dalam untuk meningkatkan motivasi terhadap pembelajaran dalam talian. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi lanjutan kajian pada masa hadapan untuk membantu pelajar sentiasa bersemangat untuk menjalani pembelajaran dalam talian sewaktu musim pandemik COVID-19.

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic that hits the country resulted in the shifting of learning methods of among higher education students from physical encounters in the classroom to the implementation of online learning. This study aims to examine the relationship between self-efficacy and anxiety towards motivation among undergraduate students of the Faculty of Social Sciences and Humanities (FSSH) at Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor. There are few studies have been conducted to look into simultaneous relationship between three variables in the context of higher education students who are taking online learning. This study uses a correlation design and involves three questionnaire instruments which are Self-Efficacy Questionnaire for Online Learning (SeQoL), Anxiety Scale Item and Academic Motivation Scale (AMS). A total of 306 undergraduate students consisting of year 1 until 4 FSSH were involved in this study. Descriptive analysis shows that the students involved in this study have moderate level of self-efficacy, low level of anxiety and moderate level of motivation towards online learning. Meanwhile, Spearman correlation analysis showed self-efficacy had a significant positive highly moderate relationship with ($r = 0.601$) towards motivation. While the anxiety had a significant relationship negative weak relationship with ($r = -0.390$) towards motivation. The multiple regression analysis that are conducted showed self – efficacy ($\beta = 0.615$, $p < 0.05$) contributed 37.6% ($r = 0.615$) to the change in variance on motivation [$F (1, 304) = 184.512$, $p < 0.05$]. While self-efficacy and anxiety produced a result ($\beta = -0.237$, $p < 0.05$) which contributed 42.1% ($r = 0.652$) change in variance on motivation [$F (2, 303) = 111.998$, $p < 0.05$]. This study has implications especially for management of institutions of higher learning (HEIs), lecturers and students of HEIs in order to help students maintain a high level of self-efficacy as well as under control of anxiety in order to increase motivation for online learning. Several suggestions have also been put for further studies in future in order to help students stay motivated while engaging online learning during the COVID-19 pandemic

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI SIMBOL	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	10
	1.4 Objektif Kajian	12
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Hipotesis Kajian	13
	1.7 Kerangka Teori	14
	1.8 Kerangka Konsep	17
	1.9 Skop dan Batasan Kajian	20
	1.10 Kepentingan Kajian	20
	1.10.1 Kepentingan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)	21
	1.10.2 Kepentingan kepada Pensyarah	21
	1.10.3 Kepentingan kepada Pelajar	22
	1.11 Definasi Istilah	22

1.11.1	Pembelajaran Dalam Talian	23
1.11.2	Efikasi Kendiri	23
1.11.3	Keresahan Diri	24
1.11.4	Motivasi Diri	24
1.12	Penutup	25
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	27
2.1	Pengenalan	27
2.2	Pembelajaran Dalam Talian	27
2.2.1	Motivasi Diri dalam Pembelajaran Dalam Talian	31
2.2.2	Faktor-Faktor Motivasi Diri dalam Pembelajaran Dalam Talian	32
2.2.3	Efikasi Kendiri dalam Pembelajaran Dalam Talian	35
2.2.4	Kesan Efikasi Kendiri dalam Pembelajaran Dalam Talian	36
2.2.5	Keresahan Diri dalam Pembelajaran Dalam Talian	38
2.2.6	Kesan Keresahan Diri dalam Pembelajaran Dalam Talian	40
2.3	Teori yang Digunakan dalam Kajian	41
2.3.1	Teori Sosial Kognitif	41
2.3.2	Teori Kawalan Nilai Pencapaian Emosi	43
2.3.3	Teori Diterminasi Kendiri	46
2.4	Kajian-Kajian Lepas	48
2.4.1	Kajian Lepas Pembelajaran Dalam Talian terhadap Motivasi Diri	48
2.4.2	Kajian Lepas Pembelajaran Dalam Talian terhadap Efikasi Kendiri	50
2.4.3	Kajian Lepas Pembelajaran Dalam Talian terhadap Keresahan Diri	53
2.5	Penutup	55
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	57
3.1	Pengenalan	57

3.2	Rekabentuk Kajian	57
3.3	Lokasi Kajian	58
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	59
	3.4.1 Teknik Persampelan	60
3.5	Instrumen Kajian	61
	3.5.1 Maklumat Demografi	62
	3.5.2 <i>“Self-Efficacy Questionnaire for Online Learning”</i> (SeQoL)	62
	3.5.3 <i>“Anxiety Scale Item”</i>	63
	3.5.4 <i>“Academic Motivation Scale”</i> (AMS)	65
3.6	Kajian Rintis	66
3.7	Proses Pengumpulan Data	68
3.8	Analisa Data	69
	3.8.1 Analisa Deskriptif	70
	3.8.2 Analisa Inferensi	70
3.9	Penutup	72
BAB 4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	73
4.1	Pengenalan	73
4.2	Analisis Dapatan Kajian	73
	4.2.1 Analisis Statistik Deskriptif Maklumat Demografi Responden	74
	4.2.2 Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Efikasi Kendiri Pelajar terhadap Pembelajaran Dalam Talian	77
	4.2.2.1 Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Efikasi Kendiri dari Aspek Konstruk Individu terhadap Pembelajaran Dalam Talian	78
	4.2.2.2 Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Efikasi Kendiri dari Aspek Konstruk Kelakuan terhadap Pembelajaran Dalam Talian	79
	4.2.2.3 Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Efikasi Kendiri dari Aspek Konstruk Persekitaran terhadap Pembelajaran Dalam Talian	80

4.2.3	Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Keresahan Diri Pelajar terhadap Pembelajaran Dalam Talian	82
4.2.3.1	Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Keresahan Diri dari Aspek Konstruk Kognitif terhadap Pembelajaran Dalam Talian	82
4.2.3.2	Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Keresahan Diri dari Aspek Konstruk Kelakuan terhadap Pembelajaran Dalam Talian	83
4.2.3.3	Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Keresahan Diri dari Aspek Konstruk Emosi terhadap Pembelajaran Dalam Talian	84
4.2.3.4	Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Keresahan Diri dari Aspek Konstruk Pencapaian terhadap Pembelajaran Dalam Talian	85
4.2.4	Analisis Statistik Deskriptif Bagi Tahap Motivasi Diri Pelajar terhadap Pembelajaran Dalam Talian	86
4.2.4.1	Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Motivasi Diri dari Aspek Konstruk “ <i>To Know</i> ” terhadap Pembelajaran Dalam Talian	87
4.2.4.2	Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Motivasi Diri dari Aspek Konstruk “ <i>To Accomplishment</i> ” terhadap Pembelajaran Dalam Talian	88
4.2.4.3	Analisis Statistik Deskriptif bagi Tahap Motivasi Diri dari Aspek Konstruk “ <i>To Experience Stimulation</i> ” terhadap Pembelajaran Dalam Talian	89
4.2.5	Analisis Inferensi Kolerasi Spearman	90
4.2.6	Analisis Inferensi Regresi Berganda	92
4.3	Ringkasan Keputusan bagi Setiap Persoalan Kajian	95
4.4	Kesimpulan	96

BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	97
5.1	Pengenalan	97
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	97
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	98
5.3.1	Tahap Efikasi Kendiri Pelajar terhadap Pembelajaran Dalam Talian	99
5.3.2	Tahap Keresahan Diri Pelajar terhadap Pembelajaran dalam Talian	101
5.3.3	Tahap Motivasi Diri Pelajar terhadap Pembelajaran Dalam Talian	104
5.3.4	Hubungan antara Efikasi Kendiri dengan Motivasi Diri Pelajar terhadap Pembelajaran Dalam Talian	106
5.3.5	Hubungan antara Keresahan Diri dengan Motivasi Diri Pelajar terhadap Pembelajaran Dalam Talian	108
5.3.6	Pengaruh Efikasi Kendiri dan Keresahan Diri terhadap Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Dalam Talian	110
5.4	Implikasi Kajian	112
5.4.1	Implikasi Teoritikal Kajian	112
5.4.2	Implikasi Praktikal Kajian	114
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	115
5.6	Penutup	116
RUJUKAN		119
LAMPIRAN		136

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Tempoh waktu melayari internet sehari mengikut tahap persekolahan	30
Jadual 2.2	Klasifikasi emosi mengikut kesungguhan emosi dan pengaktifanya	44
Jadual 3.1	Faktor efikasi sendiri pelajar yang diukur melalui item dalam SeQoL	63
Jadual 3.2	Item yang digunakan dalam “ <i>Anxiety Scale Item</i> ”	65
Jadual 3.3	Item yang digunakan untuk mengukur motivasi dalaman melalui AMS	66
Jadual 3.4	Hasil nilai kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i> bagi setiap konstruk dan keseluruhan item	67
Jadual 3.5	Intepretasi tahap efikasi sendiri terhadap pembelajaran dalam talian	70
Jadual 3.6	Intepretasi tahap keresahan dan motivasi diri terhadap pembelajaran dalam talian	70
Jadual 3.7	Tafsiran bagi bacaan saiz pekali kolerasi (Davies, 1971)	71
Jadual 3.8	Enam persoalan kajian dan kaedah analisa yang digunakan bagi menjawab setiap persolan	72
Jadual 4.1	Analisis deskriptif responden terhadap jantina	75
Jadual 4.2	Analisis deskriptif responden terhadap bangsa	75
Jadual 4.3	Analisis deskriptif responden terhadap agama	76
Jadual 4.4	Analisis deskriptif responden terhadap umur	76
Jadual 4.5	Analisis deskriptif responden terhadap tahun pengajian	77
Jadual 4.6	Analisis deskriptif responden terhadap lokasi pengajian	77
Jadual 4.7	Analisis median efikasi sendiri bagi sub konstruk individu	78
Jadual 4.8	Analisis median efikasi sendiri bagi sub konstruk kelakuan	79
Jadual 4.9	Analisis median efikasi sendiri bagi sub konstruk persekitaran	81
Jadual 4.10	Analisis median keresahan diri bagi sub konstruk kognitif	82
Jadual 4.11	Analisis median keresahan diri bagi sub konstruk kelakuan	83
Jadual 4.12	Analisis median keresahan diri bagi sub konstruk emosi	85

Jadual 4.13	Analisis median keresahan diri bagi sub konstruk pencapaian	86
Jadual 4.14	Analisis median motivasi diri bagi sub konstruk “ <i>to know</i> ”	87
Jadual 4.15	Analisis median motivasi diri bagi sub konstruk “ <i>to accomplishment</i> ”	88
Jadual 4.16	Analisis median motivasi diri bagi sub konstruk “ <i>to experience stimulation</i> ”	90
Jadual 4.17	Analisis kolerasi spearman antara efikasi sendiri dengan motivasi	91
Jadual 4.18	Analisis kolerasi spearman antara efikasi sendiri dengan motivasi	91
Jadual 4.19	Keputusan analisa regresi berganda	93
Jadual 4.20	Ringkasan keputusan dapatan kajian mengikut persoalan kajian	95

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Kerangka teori	14
Rajah 1.2	Kerangka konsep	17
Rajah 2.1	Elemen teori determinasi sendiri	47
Rajah 3.1	Kaedah persampelan	61
Rajah 3.2	Proses yang dilakukan dalam kajian	69

SENARAI SINGKATAN

FSSK	-	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
ICT	-	Information Commuication Technology
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPR	-	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI SIMBOL

f	-	Kekerapan
N	-	Jumlah Sampel
r	-	Kolerasi

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Demografi responden	128
Lampiran B	Efikasi sendiri pelajar terhadap pembelajaran dalam talian	129
Lampiran C	Keresahan diri pelajar terhadap pembelajaran dalam talian	131
Lampiran D	Motivasi diri pelajar terhadap pembelajaran dalam talian	132

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia telah memberikan impak yang besar terhadap dunia pendidikan. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan telah memberikan fokus utama terhadap penggunaan teknologi dalam pendidikan bagi memastikan proses pembelajaran berterusan. Hal ini selari dengan salah satu agenda penting Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 berkaitan dengan anjakan ketujuh yang memfokuskan terhadap pemanfaatan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (Hashim & Yatim, 2019). Menurut Wan Dolah (2013) berdasarkan dasar ICT dalam pendidikan, kerajaan telah memberikan perhatian terhadap tiga aspek iaitu pembelajaran, pengurusan dan penilaian. Hal ini menunjukkan bahawa pembelajaran dalam talian adalah sangat relevan untuk digunakan pada masa kini.

Dalam menjalani suasana norma baru akibat daripada pandemik COVID-19, medium pembelajaran dalam talian telah menjadi pilihan oleh para pendidik untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar mereka. Menurut kajian yang dijalankan oleh Azlan, Wong, Tan, Huri, Ung, Pallath dan Ng (2020) kaedah tradisional yang dijalankan iaitu pendidikan berasaskan kampus telah ditukar kepada kaedah pembelajaran dalam talian seperti "*e-learning*" yang mana menjadi medium penyampaian kepada pelajar Sarjana Fizik Perubatan (MMedPhys) di Universiti Malaya sewaktu pandemik COVID-19 dan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (MCO). Oleh yang demikian, pembelajaran menerusi dalam talian dijadikan satu pendekatan yang baru ketika negara berhadapan dengan situasi yang kritikal.

Pembelajaran dalam talian adalah sangat fleksibel kerana peranti yang diperlukan bukan hanya tertumpu pada penggunaan komputer sahaja malah telefon bimbit sudah memadai selagi mana pelajar mempunyai capaian akses terhadap internet. Pembelajaran dalam talian menggunakan "*e-learning*" bukan berkaitan proses pendidikan yang menggunakan teknologi semata-mata malah ianya memberikan fokus terhadap kerjasama, fleksibiliti dan kemampuan pengguna untuk mempelbagaikan cara komunikasi bagi memudahkan proses penyampaian maklumat dalam pembelajaran (Adzhar, Karim & Sahrin, 2017; Eldy & Sulaiman, 2015). Hal ini akan dapat membantu pelajar untuk menerima maklumat yang disampaikan melalui kelas dalam talian yang dijalankan dengan mudah. Menurut Sari (2015) "*e-learning*" dapat diakses walau di mana saja pembelajaran berlaku dengan jarak yang jauh tanpa adanya batasan masa. Tambahan pula, pembelajaran dalam talian dapat memberi dorongan kepada pelajar untuk belajar secara aktif. Cara pembelajaran ini memudahkan pelajar untuk mewujudkan komuniti belajar secara individu mahupun secara berkumpulan di luar sesi kelas (Sari, 2015). Menurut Shafie (2020), kemahiran berfikir, kefahaman dan motivasi diri pelajar dapat ditingkatkan melalui penggunaan teknologi dalam pembelajaran. Secara tidak langsung pelajar dapat menikmati kebaikan yang diperolehi daripada teknik penyampaian yang dilaksanakan ini.

Motivasi diri pelajar terhadap pembelajaran dalam talian perlu dipupuk dalam keadah suasana norma baru ini. Kajian Alias (2012) mendapati bahawa sokongan motivasi terhadap pembelajaran dalam talian perlu diberikan kepada pelajar khususnya pada permulaan pelaksanaannya. Tenaga pengajar harus membantu pelajar dari segi dorongan motivasi agar pembelajaran dalam talian dapat diterima oleh mereka. Mempelajari bahan pelajaran menggunakan platform dalam talian seperti "*e-learning*" dapat mempertingkatkan motivasi pelajar sewaktu proses pembelajaran berlangsung (Saifuddin, 2018; Lin, Chen & Liu, 2017). Hal ini membuktikan bahawa pembelajaran dalam talian mampu mempertingkatkan motivasi diri pelajar. Seterusnya kaedah ini adalah sangat baik untuk digunakan pada masa kini.

Bagi memastikan motivasi diri pelajar berterusan di sepanjang sesi pembelajaran di dalam talian terdapat dua faktor yang perlu diberikan perhatian oleh

para pendidik. Faktor yang pertama adalah efikasi sendiri seseorang pelajar dalam mengendalikan kelas dalam talian. Efikasi sendiri yang baik dapat membantu meningkatkan tahap motivasi diri seseorang pelajar (Haerazi & Irawan, 2020). Hal ini dapat dijelaskan melalui kajian yang dijalankan oleh Yokoyama (2019) yang mendapati bahawa pelajar mampu memperoleh pencapaian akademik yang baik disebabkan oleh mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dalam mencapai matlamat yang seterusnya menyebabkan motivasi diri mereka untuk belajar turut meningkat. Efikasi sendiri melibatkan penentuan pendirian, pemikiran dan keazaman diri dalam melakukan sesuatu perkara atau tindakan mereka (Alqurashi, 2016). Hal ini adalah penting untuk memastikan keberkesanan dalam pembelajaran yang dilaksanakan dalam talian.

Tahap keresahan yang wujud dalam diri seseorang pelajar juga mampu mempengaruhi motivasi dalam diri pelajar menjadi lemah. Keresahan adalah perasan ketegangan yang subjektif, kegelisahan dan kerisauan yang meningkatkan sistem saraf secara automatik (Majid, Sharil, Luaran & Nadzri, 2012; Yang, Zhang, Kong, Wang & Hong, 2020). Kajian yang dijalankan oleh Wati Halim dan Chieng (2016) menunjukkan bahawa individu yang mempunyai keresahan merendahkan tahap motivasi diri. Keresahan yang membelenggu diri pelajar boleh menyebabkan motivasi diri pelajar sewaktu pembelajaran dalam talian berlangsung. Dengan ini pelajar fokus mereka terhadap pembelajaran boleh terganggu disebabkan masalah ini.

Pembelajaran dalam talian adalah sangat diperlukan pada masa kini bagi menggantikan kaedah tradisional iaitu pelajar perlu hadir ke kelas. Pembelajaran atas talian ini adalah sangat fleksibel kerana kaedah ini boleh dilakukan di mana sahaja tanpa mengira waktu dan masa. Motivasi untuk meneruskan pembelajaran perlu ada dalam diri pelajar supaya proses pembelajaran dalam talian dapat berjalan dengan lancar. Melalui platform pembelajaran yang baru pelajar seharusnya lebih bersemangat iaitu mempunyai nilai efikasi sendiri yang tinggi seterusnya mampu meningkatkan nilai motivasi dalam diri untuk mengetahui dengan lebih lanjut teknik untuk menggunakan medium pembelajaran ini. Tidak dinafikan juga keresahan terhadap kaedah pembelajaran ini boleh berlaku dalam kalangan pelajar yang

berkemungkinan boleh merendahkan nilai motivasi diri. Oleh itu, satu kajian yang terperinci perlu dijalankan untuk melihat kesan efikasi sendiri dan keresahan pelajar terhadap motivasi pelajar dalam pembelajaran atas talian.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pembelajaran dalam talian menurut Mutia dan Leonard (2015) adalah satu konsep dalam pendidikan yang mengaplikasikan penggunaan teknologi informasi dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. Sebarang kaedah yang melibatkan penggunaan teknologi informasi seperti "*e-learning*", "*m-learning*", "*open distance learning*", "*virtual learning*" atau "*web-based learning*" boleh dikategorikan sebagai pembelajaran dalam talian. Pembelajaran dalam talian adalah satu nilai tambahan dalam pembelajaran yang menggunakan bahan elektronik dan multimedia secara interaktif sebagai medium penyampaian tanpa mengira di mana lokasi pembelajaran berlaku (Haron, Abbas & Abd Rahman, 2012; Shoniregun & Gray, 2003).

Pembelajaran atas talian telah diterima pakai oleh komuniti global sebagai satu mod pembelajaran sepanjang hayat (Najib, Bakar & Othman, 2017). Pembelajaran dalam talian ini sudah mula diterima oleh masyarakat sedunia dan dibuktikan melalui pelaksanaan secara meluas di institusi Pendidikan (Mutia & Leonard 2015). Hal ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran seperti ini adalah sangat sesuai untuk diguna pakai bagi menggantikan kaedah pembelajaran yang memerlukan pelajar untuk hadir ke kelas. Selain itu, pembelajaran atas talian yang bersifat fleksibel kerana kaedah ini boleh dijalankan di mana jua sahaja tanpa mengira waktu dan sempadan. Najib, Bakar dan Othman (2017) menerangkan bahawa pembelajaran atas talian boleh diakses di mana sahaja dan bahan-bahan rujukan boleh didapati melaluinya serta mempunyai daya tarikan tersendiri melalui penggunaan grafik dan multimedia.

Menjalani amalan norma baru kaedah pembelajaran dalam talian telah mengubah corak pendidikan yang terdahulu. Jika sebelum ini pelajar perlu menghadiri kelas untuk menjalani proses pembelajaran dan pengajaran. Namun,

sejak wabak virus COVID-19 melanda negara kita penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan warga pendidik dan pelajar telah meluas (Jafar, Amran, Yaakob, Yusof & Awang, 2020; Kandri, 2020). Pandemik COVID-19 telah menjadikan medium pembelajaran secara maya pilihan yang popular oleh pelajar di seluruh dunia (Radha, Mahalakshmi, Kumar & Saravanakumar, 2020). Hal seperti ini berlaku kerana pembelajaran atas talian mudah untuk dikendalikan hanya memerlukan penggunaan internet dan medium elektronik yang sesuai seperti komputer atau telefon bimbit sahaja. Dalam kajian yang dijalankan oleh Razak (2013) yang dinyatakan oleh Khan (2005) bahawa e-pembelajaran merupakan satu inovasi teknik pembelajaran baharu yang berpaksikan kepada pelajar dan memudahkan pelajar untuk menggunakannya tanpa mengira masa dan tempat kerana sifatnya yang fleksibel.

Pembelajaran dalam talian berpotensi memberikan kesan yang positif terhadap motivasi pelajar. Penggunaan teknologi seperti e-pembelajaran dalam talian menjadi sebab mengapa pelajar bermotivasi untuk belajar (Halim & Adnan, 2020; Shafie, 2020; Razak, 2013). Hal ini menunjukkan satu perkara yang positif walaupun pelajar tidak perlu bertemu dengan guru mereka di kelas secara fizikal namun pembelajaran dapat berjalan seperti biasa. Pembelajaran secara maya ini mampu menjadi kaedah pembelajaran yang interaktif kerana motivasi pelajar dapat ditingkatkan. Menurut Rosly dan Khalid (2017) penglibatan pelajar melalui pembelajaran dalam talian secara gamifikasi menunjukkan pelajar lebih bermotivasi untuk menyertai kelas tersebut. Hal ini memperlihatkan kaedah yang digunakan memberikan impak yang positif kepada pelajar untuk mengikuti pembelajaran mereka.

Tidak dinafikan terdapat beberapa faktor yang memberi kesan terhadap motivasi pelajar dalam pembelajaran dalam talian. Masalah motivasi pelajar berlaku disebabkan gangguan kebolehcapaian internet mereka sewaktu pembelajaran dalam talian berlangsung. Dalam kajian yang dijalankan oleh Kent (2016) yang disokong oleh Hamzah dan Yeop (2016) menerusi temu bual bersama pelajar, mereka menyatakan bahawa motivasi mereka untuk meneruskan pembelajaran dalam talian hilang kerana gangguan capaian internet yang dialami. Masalah seperti ini sedikit

sebanyak menjejaskan proses PdP (pengajaran dan pembelajaran) secara dalam talian.

Selain itu, pelajar kurang mahir dalam mengendalikan aplikasi yang digunakan sewaktu pembelajaran dalam talian dijalankan dan menyebabkan mereka tidak bermotivasi seterusnya hilang rasa minat terhadap pembelajaran secara maya (Alavi, Borzabadi & Dashtestani, 2016). Dalam kajian Ma'arif, Suherman, Masrupi (2017) menunjukkan pelajar tidak gemar dalam mengikuti pembelajaran dalam talian kerana tidak bermotivasi serta kurang mahir dalam penggunaan teknologi digital dan menyebabkan mereka tidak memperolehi informasi. Perkara seperti ini dapat diselesaikan sekiranya pelajar mempunyai inisiatif untuk mempelajari cara penggunaan aplikasi berkenaan. Warga pendidik juga perlu memainkan peranan mereka dengan memberikan panduan kepada pelajar agar mereka sentiasa bermotivasi untuk meneruskan pembelajaran atas talian.

Pembelajaran dalam talian yang interaktif mampu meningkatkan efikasi sendiri pelajar. Hasil kajian Hasmuddin dan Maat (2020) menunjukkan penggunaan pembelajaran dalam talian melalui "*e-learning*" memberikan kesan yang positif terhadap efikasi sendiri pelajar terhadap pembelajaran. Apabila efikasi sendiri pelajar meningkat pelajar akan lebih bersemangat dalam sesi pembelajaran. Sementara itu, pelajar yang rendah efikasi sendiri tidak mampu melakukan tugas dengan baik melalui penggunaan ICT berbanding pelajar yang percaya akan kebolehannya dalam mengendalikan ICT (Rohatgi, Scherer & Hatlevik, 2016). Pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang baik membantu pelajar untuk lebih fokus dalam kelas dalam talian, membantu mereka untuk menyelesaikan tugas serta menggalakkan mereka untuk berinteraksi sama lain (Shen, Cho, Tsai & Marra, 2013).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian terdahulu yang menunjukkan pembelajaran dalam talian ini membawa kepada kemerosotan efikasi sendiri. Menurut Shen, Cho, Tsai dan Marra (2013) pelajar tidak dapat memberikan fokus terhadap pembelajaran dalam talian kerana mereka tidak yakin untuk mengendalikan teknologi ICT sendiri. Sebelum ini pelajar hanya bergantung kepada tenaga pengajar

untuk mengendalikan kelas mereka tetapi apabila pembelajaran dalam talian dilakukan mereka perlu menggunakan kemudahan ICT yang mereka perolehi untuk menyertai kelas. Selain itu, pelajar tidak yakin terhadap capaian internet yang mereka langgan adalah salah satu masalah efikasi sendiri dalam pembelajaran dalam talian. Hal ini akan menyebabkan pelajar hilang minat untuk meneruskan sesi pembelajaran dalam talian dan secara tidak langsung mereka akan cenderung melakukan perkara yang lain ketika kelas berlangsung (Aziz, Shafie, Lee & Ashaari, 2020). Tambahan lagi pelajar tidak mampu memberi tumpuan disebabkan oleh gangguan persekitaran di rumah mereka sewaktu pembelajaran dalam talian berlaku. Pelajar tidak lagi yakin terhadap pembelajaran dalam talian kerana kaedah ini tidak membolehkan pelajar fokus dalam PdP.

Terdapat banyak kajian yang menunjukkan motivasi diri seseorang meningkat disebabkan oleh peningkatan tahap efikasi diri seseorang itu sendiri (Wang, Shannon & Ross, 2013) Pelajar mampu mencapai prestasi yang baik serta kepuasan dalam pembelajaran dalam talian apabila tahap motivasi mereka meningkat (Wang, Shannon & Ross, 2013). Menurut Kim dan Frick (2011) dan disokong oleh Azrai, Evriyani dan Prastya (2016) dalam teori sosial kognitif menyatakan efikasi sendiri adalah elemen yang signifikan terhadap motivasi pelajar. Apabila matlamat telah ditetapkan maka usaha perlu diiringi untuk mengecapi impian tersebut. Efikasi sendiri yang kukuh mampu membantu seseorang pelajar untuk berjaya dalam pembelajaran melalui peningkatan motivasi diri mereka.

Selain daripada isu efikasi sendiri, dapatan kajian menunjukkan pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 membawa impak yang tidak baik terhadap kesihatan psikologi iaitu keresahan pelajar (Aziz, Shafie & Ashaari, 2020; Bolatov, Seisembekov, Askarova, Baikanova, Smailova & Fabbro, 2021; Hasan & Bao, 2020). Perkara ini perlu dipandang serius oleh warga pendidik sebelum masalah ini lebih melarat. Selain itu, keresahan yang timbul dalam diri pelajar boleh menjejaskan kesihatan badan. Menurut Schroeder (2020) berkenaan masalah kesihatan seperti demam dan penurunan daya tahan badan disebabkan oleh keresahan dan tekanan. Rasa resah yang muncul dalam diri mereka secara tidak langsung boleh menjejaskan motivasi pelajar.

Biarpun pelaksanaan pembelajaran dalam talian mempunyai kelebihan, namun kaedah pembelajaran ini berupaya menimbulkan keresahan pelajar. Kajian Ajmal dan Ahmad (2019) melaporkan bahawa keresahan pelajar semasa mengikuti pembelajaran dalam talian adalah kerana keterbatasan waktu untuk berbincang dengan tenaga pengajar. Mereka tidak dapat berbincang secara bersemuka mengenai masalah yang dihadapi dalam menyiapkan tugas yang diberikan kepada mereka. Waktu perbincangan tersebut hanya dilakukan pada pengakhiran sesi kelas dalam talian sebelum ianya tamat. Tambahan pula, keresahan berlaku dalam pembelajaran dalam talian juga disebabkan oleh kekurangan interaksi antara rakan sekelas (Ajmal & Ahmad, 2019). Menurut Nyborg, Mjelve, Edwards dan Crozier (2020) menyatakan pelajar berasa malu untuk memberi respon terhadap pertanyaan yang diberikan kerana resah dan bimbang jawapan yang diberikan tidak tepat. Hal ini yang menyebabkan mereka tidak mahu untuk mengikuti kelas dalam talian.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Cooper, Downing dan Brownell (2018) menunjukkan tahap keresahan yang tinggi dalam kalangan pelajar menjejaskan motivasi diri mereka untuk berusaha mencapai kecemerlangan akademik. Menurut Almalki (2019) dalam kajian beliau pelajar mengalami keresahan yang rendah tidak menjejaskan motivasi diri mereka dan secara tidak langsung membantu pelajar memperolehi keputusan yang baik dalam akademik. Hal ini menunjukkan tahap keresahan pelajar boleh mempengaruhi motivasi diri mereka untuk terus cemerlang dalam pembelajaran. Dengan ini pelajar mampu mengekalkan motivasi diri mereka dalam pembelajaran dalam talian sekiranya keresahan diri mereka berada di tahap yang rendah.

Kajian Su (2015) dalam penggunaan gamifikasi sebagai e-pembelajaran menghasilkan keputusan yang signifikan antara motivasi untuk belajar dengan tahap keresahan. Dalam kajian lain menunjukkan kumpulan pelajar yang rendah keresahan membawa kepada peningkatan motivasi diri dalam pembelajaran mereka (Martin & Valdivia, 2017). Pengkaji mendapati kaedah yang digunakan dalam penyelidikan tersebut dapat mengurangkan keresahan untuk belajar seterusnya meningkatkan motivasi pelajar. Pelajar yang mengalami keresahan akan menjejaskan motivasi diri mereka. Melalui kajian-kajian yang dilakukan dapat disimpulkan bahawa tahap

keresahan yang tinggi boleh menjejaskan motivasi diri kerana perasaan tersebut akan mengganggu tumpuan pelajar terhadap pembelajaran mereka. Mereka tidak boleh memberikan fokus dalam PdP kerana kegelisahan dan keresahan yang membelenggu diri.

Terdapat kajian yang telah dilakukan sebelum ini berkenaan pembelajaran yang dilakukan dalam talian tetapi ianya hanya bersifat tidak kekal (Yusup, 2012; Najib, Bakar & Othman, 2017) kerana kajian tersebut tidak melihat konteks situasi yang mencemaskan seperti penularan wabak COVID-19. Selain itu, terdapat juga kajian yang menunjukkan pembelajaran "*e-learning*" hanya memberikan fokus terhadap kursus yang tertentu sahaja dalam kalangan pelajar universiti (Zulkifli, Hamzah & Razak, 2020). Kajian lepas juga telah mengkaji elemen psikologi efikasi sendiri seperti melihat dimensi yang mendorong efikasi sendiri pelajar untuk bermotivasi dalam e-pembelajaran (Shen, Cho, Tsai & Marra, 2013), keresahan seperti dalam penyelidikan (Su, 2015) yang melihat aspek hubungan antara keresahan, motivasi dan pencapaian akademik pelajar melalui pembelajaran dalam talian yang berorientasikan gamifikasi dan elemen motivasi pula iaitu melihat hubungan efikasi sendiri pelajar dengan motivasi mereka menerusi m-pembelajaran menggunakan aplikasi "*WhatsApp*" dan "*Telegram*". Namun tidak banyak yang memberikan fokus untuk melihat hubungan efikasi sendiri, keresahan dan motivasi secara serentak.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa peranan motivasi adalah penting dalam pembelajaran dalam talian untuk memastikan proses PdP efektif dan berkesan. Secara tidak langsung memberikan peluang kepada pelajar untuk lebih mendalami dan memahami penggunaan teknik pembelajaran dalam talian yang dijalankan. Namun begitu, bagi membantu pelajar sentiasa bermotivasi dalam pembelajaran mereka perlu menilai dua perkara ini iaitu efikasi sendiri dan tahap keresahan diri mereka. Kalau dilihat melalui kajian yang lepas membuktikan efikasi sendiri yang baik mampu meningkatkan motivasi pelajar. Begitu juga dengan keresahan yang lemah mampu meningkatkan motivasi pelajar. Justeru itu, pengkaji ingin melihat efikasi sendiri serta keresahan diri mampu mempengaruhi tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran atas talian.

1.3 Pernyataan Masalah

Kaedah pembelajaran dalam talian sangat membantu tenaga pengajar untuk menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan (Hamzah & Yeop, 2016). Warga pendidik khususnya pensyarah sangat digalakkan menggunakan medium ini sebagai cara pembelajaran yang baharu di dalam kelas mereka (Yusof & Tahir, 2017) dalam usaha melahirkan ramai individu yang celik dalam penggunaan ICT (Munohsamy, 2014). Hakikatnya, pembelajaran secara maya ini memerlukan kemudahan teknologi dari telefon bimbit atau komputer serta tahap kesambungan internet yang baik bagi membolehkan pelajar mengikuti pembelajaran dalam talian dengan lancar.

Dalam era pasca COVID-19 di Malaysia, penggunaan pembelajaran dalam talian memberi kesan kepada efikasi sendiri dan keresahan penuntut institusi pengajian tinggi. Efikasi sendiri mahasiswa yang ditunjukkan terhadap pembelajaran dalam talian tidak seperti mana mereka menghadiri kelas secara fizikal (Zimmerman & Kulikowich, 2016). Mahasiswa seperti tidak yakin terhadap sesi PdP yang mereka jalani dan menganggap kaedah ini sebagai satu bebanan dalam sesi pembelajaran mereka (Abdul Rahman, Libasin, Warris & Mustapa, 2020). Situasi ini menyukarkan mereka untuk tampil fokus terhadap kelas dalam talian serta objektif pembelajaran yang dibawa oleh pensyarah tidak tercapai (Hussin, Rahman, Yusoff, Sabran & Hassan, 2019).

Rentetan daripada itu, mahasiswa akan resah terhadap pembelajaran mereka kerana informasi yang cuba disampaikan oleh pensyarah di dalam kelas atas talian tidak tercapai. Keresahan berlaku apabila penuntut berasa bimbang, takut dan tidak tenang terhadap sesuatu perkara yang penting bagi diri mereka (Wati Halim & Chieng, 2016). Keresahan yang dirasakan oleh mereka boleh juga hadir daripada faktor luaran seperti gangguan internet. Tidak semua pelajar universiti mempunyai kelancaran sambungan internet kerana ada di kalangan mereka yang tinggal di kawasan pendalaman yang mempunyai kesukaran untuk memperolehi akses internet (Radha, Mahalakshmi, Kumar, Saravanakumar, 2020). Kekangan ini mampu memberikan impak yang tidak baik terhadap tahap keresahan diri mereka.

Motivasi sangat penting dalam pembelajaran dalam talian bagi menunjukkan medium PdP yang dijalankan berkesan dan efektif (Aisyah & Muna, 2019). Sewaktu implementasi pembelajaran peringkat pengajian tinggi di Malaysia, kerajaan mengarahkan pihak universiti untuk meneruskan PdP melalui atas talian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020) dan kaedah ini memberikan kesan terhadap motivasi pelajar. Terdapat kajian yang menunjukkan perkembangan positif motivasi pelajar universiti melalui pembelajaran dalam talian. Menurut Chear (2017) dan Saifuddin (2018) pembelajaran dalam talian adalah medium yang dapat membantu pelajar meningkatkan motivasi mereka. Namun, terdapat juga kajian yang menunjukkan pelajar kurang bermotivasi terhadap “*e-learning*” melalui teknik gamifikasi sekiranya keadah penghasilan yang tidak berkualiti (Rosly & Khalid, 2017).

Kajian yang pernah dijalankan terhadap efikasi sendiri, keresahan dan motivasi pelajar universiti dalam pembelajaran atas talian kurang menjelaskan hubungan secara serentak antara ketiga-tiga elemen ini. Kalau dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Shen, Cho, Tsai dan Marra (2013) menunjukkan efikasi sendiri pelajar di institusi pengajian tinggi melalui pembelajaran dalam talian memberi hubungan yang signifikan terhadap motivasi diri mereka. Menurut Cooper, Downing dan Brownell (2018) menyatakan wujudnya hubungan yang signifikan antara keresahan pelajar dengan motivasi mereka. Hasil kajian yang diperolehi oleh pengkaji sebelum ini hanya memaparkan hubungan antara dua pembolehubah iaitu efikasi sendiri terhadap motivasi atau keresahan terhadap motivasi sahaja.

Oleh itu, satu kajian yang khusus berkaitan efikasi sendiri dan keresahan pelajar Universiti Teknologi Malaysia terhadap motivasi diri melalui pembelajaran atas talian perlu dijalankan pada pasca COVID-19. Rasional kajian ini adalah bertujuan untuk mewujudkan bukti empirikal bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan efikasi sendiri dan keresahan terhadap motivasi pelajar mahasiswa. Dan diharapkan kajian ini dapat memberikan impak yang positif terhadap universiti di Malaysia yang mempraktikkan kaedah pembelajaran dalam kajian.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat efikasi sendiri, keresahan dan motivasi pelajar dalam pembelajaran dalam talian. Objektif spesifik bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Mengenal pasti tahap efikasi sendiri pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian.
- ii) Mengenal pasti tahap keresahan diri pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian.
- iii) Mengenal pasti tahap motivasi diri pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian.
- iv) Mengenal pasti hubungan antara efikasi sendiri dengan motivasi pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian.
- v) Mengenal pasti hubungan keresahan diri dengan motivasi pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian.
- vi) Menentukan peramal motivasi berdasarkan efikasi sendiri dan keresahan diri pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan yang wujud datang daripada objektif kajian adalah seperti berikut:

- i) Apakah tahap efikasi sendiri pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian?
- ii) Apakah tahap keresahan diri pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian?


- iii) Apakah tahap motivasi diri pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian?
- iv) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dengan motivasi pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian?
- v) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara keresahan diri dengan motivasi pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian?
- vi) Adakah efikasi sendiri dan keresahan diri merupakan peramal kepada motivasi pelajar universiti terhadap pembelajaran dalam talian?

1.6 Hipotesis Kajian

- i) H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dengan motivasi diri pelajar universiti melalui pembelajaran dalam talian.
- ii) H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dengan motivasi diri pelajar universiti melalui pembelajaran dalam talian.
- iii) H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keresahan diri dengan motivasi diri pelajar universiti melalui pembelajaran dalam talian.
- iv) H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara keresahan diri dengan motivasi diri pelajar universiti melalui pembelajaran dalam talian.
- v) H_0 : Efikasi sendiri dan keresahan diri bukanlah peramal yang signifikan terhadap motivasi pembelajaran dalam talian.
- vi) H_1 : Efikasi sendiri dan keresahan diri merupakan peramal yang signifikan terhadap motivasi pembelajaran dalam talian.

1.7 Kerangka Teori

Kerangka teori adalah satu kaedah yang menerangkan situasi dalam bentuk struktur carta yang menggunakan simbol (Endraswara, 2006). Menurut Creswell (2007) kerangka teori merupakan himpunan konsep dan teori sebagai rujukan dalam sesebuah kajian. Tiga jenis teori yang digunakan untuk melihat ketiga-tiga pemboleh ubah dalam kajian iaitu Teori Sosial Kognitif, Teori Kawalan Nilai Pencapaian Emosi dan Teori Determinasi Kendiri. Kesemua teori yang digunakan akan dibincangkan satu persatu bagaimana setiap satu berkait dengan efikasi sendiri, keresahan diri dan motivasi pelajar dalam konteks pembelajaran dalam talian. Rajah 1.1 menunjukkan teori-teori yang digunakan pakai sebagai dasar kepada kajian yang dijalankan.



Rajah 1.1 Kerangka Teori

Teori Sosial Kognitif memainkan peranan yang penting terhadap efikasi sendiri pembelajaran dalam talian. Teori dibangunkan oleh Bandura pada sekitar tahun 1986 yang sebelum ini dikenali sebagai Teori Pembelajaran Sosial (SLT). Teori ini terbentuk kerana Bandura berpendapat bahawa sesuatu proses pembelajaran berupaya memberi gambaran awal mengenai aktiviti yang dilakukan oleh seseorang akan tetapi satu lagi elemen perlu diambil kira iaitu keupayaan seseorang untuk merancang dan menyusun tindak-tanduk individu tersebut (Abdullah, 2019). Dalam

teori ini Bandura mengetengahkan tiga komponen yang menjadi faktor utama terbentuknya Teori Sosial Kognitif iaitu faktor personal (P), faktor perilaku (B) dan faktor persekitaran (E). Setiap komponen saling bergantung antara satu sama lain.

Hubungan timbal balik komponen (P) dan (B) menunjukkan sesuatu impian yang diharapkan oleh individu untuk melaksanakan tujuan tersebut. Dalam konteks pembelajaran atas talian, apabila pelajar berhasrat untuk berjaya dalam pembelajarannya maka tindakan pelajar tersebut adalah mengambil berat terhadap kaedah yang diguna pakai semasa kelas dalam talian berlangsung (Heckel & Ringeisen, 2019). Hal ini menunjukkan efikasi sendiri pelajar meningkat apabila mereka sudah menetapkan sasaran yang ingin dicapai terhadap pembelajaran dalam talian (Rohatgi, Scherer & Hatlevik, 2016). Selain itu, dalam pembelajaran atas talian hubungan timbal balik antara komponen (P) dan (E) menjelaskan matlamat pelajar yang ingin dicapai berorientasikan kepada keadaan persekitaran. Menurut pandangan Bandura (1986) keadaan persekitaran iaitu intervensi dari sosial akan menyalurkan maklumat yang diperlukan oleh seseorang untuk mereka memperolehi matlamat yang diimpikan. Efikasi sendiri pelajar meningkat apabila mereka yakin terhadap kemampuan mereka untuk berjaya dalam suasana pembelajaran yang baharu (Zimmermen & Kulikowich, 2016). Sementara itu, hubungan timbal balik antara (B) dan (E) menerangkan seseorang individu mempelajari melalui tingkah laku dalam persekitaran sosial. Pembelajaran dalam talian memperlihatkan efikasi sendiri pelajar yang dipengaruhi oleh keadaan semasa kelas atas talian sedang berlangsung. Menurut Shen, Cho, Tsai dan Marra (2013) efikasi sendiri pelajar menjadi baik apabila keadaan sekeliling mereka seperti penerimaan bantuan daripada rakan sekelas dan tenaga pengajar terhadap pelajaran melalui pengalaman kelas dalam talian.

Teori Kawalan Nilai Pencapaian Emosi atau "*Control-Value Theory of Achievement Emotions*" memberikan fokus terhadap integrasi emosi yang dicapai oleh individu melalui pembelajaran dan motivasi (Artino Jr & Jones II, 2012; Daniels & Stupnisky, 2012; Pekrun, 2006). Dalam konteks akademik teori ini mempunyai tiga aspek yang utama iaitu faktor individu, kelakuan individu dan keputusan akademik (Artino, Holmboe & During, 2012). Dalam faktor individu pula terbahagi kepada dua

iaitu penilaian kognitif dan pencapaian emosi. Setiap aspek mempunyai hubungan timbal balik antara satu sama lain. Sebagai contoh dalam konteks pembelajaran dalam talian apabila pelajar yang menilai teknik tersebut sangat penting (penilaian kognitif) akan memberikan tindak balas terhadap emosi sama ada seronok atau kecewa (pencapaian emosi) dalam PdP. Kemudian, emosi yang dihasilkan memberikan tindak balas terhadap tindakan fizikal (kelakuan individu) seterusnya memberikan impak terhadap pemahanan atau keputusan ujian (pencapaian akademik) mereka.

Menurut Pekrun (2006) teori ini pada dasarnya untuk memberi fokus terhadap model jangkaan keresahan. Kemudian teori dikembangkan oleh Pekrun dengan membawa masuk aspek kelakuan individu dan keputusan akademik. Pekrun berpendapat bahawa jangkaan pelajar terhadap keputusan akademik yang bakal mereka perolehi mampu mempengaruhi tindakan yang mereka bakal lakukan seterusnya emosi semasa pelajar. Melalui konteks pembelajaran dalam talian, emosi pelajar menjadi resah apabila faktor kognitif iaitu mereka berpendapat pembelajaran dalam talian menyukarkan mereka untuk memahami isi kandungan pelajaran mereka (Daniels & Stupnisky, 2012). Emosi yang tidak baik seperti kecewa, resah dan gelisah akan memberi tindak balas terhadap kelakuan mereka yang mengakibatkan mereka kurang bermotivasi seterusnya menghilangkan tumpuan dan minat mereka terhadap kelas atas talian (Artino Jr & Jones II, 2012). Kemudian, mereka akan memperolehi keputusan akademik yang tidak baik disebabkan oleh motivasi yang rendah berpunca daripada keresahan diri mereka sendiri (Artino, Holmboe & During, 2012).


Secara asasnya Teori Determinasi Kendiri merupakan teori motivasi yang memacu kepada keperluan keperluan individu, keazaman, dan kesejahteraan dalam sosial (Deci & Ryan, 1985; Deci & Ryan, 2002; Chen & Jang, 2010). Teori ini membawa kepada tiga aspek iaitu "*autonomy*", "*competency*" dan "*relatedness*". Aspek yang pertama "*autonomy*" merujuk kepada rasa untuk mengawal sesuatu (Chen & Jang, 2010). Aspek kedua pula "*competency*" membawa maksud kepada perasaan untuk bersaing dalam menyelesaikan tugas (Chen & Jang, 2010). Aspek

ketiga pula “*relatedness*” menerangkan kepada perasaan dalaman dan perasaan untuk bergaul antara satu sama lain (Chen & Jang, 2010).

Teori ini juga menerangkan motivasi individu yang dapat dibahagikan kepada dua faktor iaitu dalaman “*intrinsic motivation*” dan luaran “*extrinsic motivation*”. Namun begitu, kajian ini hanya memberikan penekanan terhadap faktor motivasi dalaman bagi Teori Determinasi Kendiri. Faktor motivasi dalaman membincangkan mengenai motivasi diri yang dapat dicapai apabila individu berasa seronok dan bersemangat tanpa mempertimbangkan ganjaran fizikal dalam melakukan sesuatu perkara atau cabaran dalam suasana pembelajaran atas talian (Hartnett, George & Dron, 2011). Motivasi dalaman pelajar mampu mempengaruhi mereka untuk lebih gigih dan bersemangat untuk meneruskan pembelajaran dalam talian walaupun kaedah ini masih lagi baru dilaksanakan.

1.8 Kerangka Konsep

Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konsep yang dibentuk untuk kajian ini. Kerangka konsep yang dibentuk ini menerapkan elemen pembelajaran atas talian di kalangan pelajar. Terdapat dua pemboleh ubah dalam kajian ini yang dijadikan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar iaitu efikasi sendiri dan keresahan diri.



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian

Efikasi sendiri adalah tindakan fizikal yang dilakukan oleh seseorang disebabkan keyakinan diri (Abdullah, 2019). Efikasi sendiri diukur sebagai faktor yang mendorong pelajar untuk yakin terhadap sesuatu kaedah pembelajaran yang dilalui. Melalui efikasi sendiri yang ditunjukkan oleh pelajar juga mampu memperlihatkan efektif dan efisien sesuatu pelaksanaan kaedah dalam pembelajaran yang dilakukan.

Efikasi sendiri merujuk kepada kepercayaan terhadap sangkaan untuk kejayaan atau kegagalan yang bakal pelajar diperolehi mempengaruhi tindakan mereka terhadap pembelajaran dalam talian (Rohatgi, Scherer & Hatlevik, 2016). Kajian ini memberikan fokus terhadap tiga perkara dalam efikasi sendiri iaitu individu, kelakuan dan persekitaran. Elemen individu merujuk kepada objektif yang pelajar harapkan dalam suasana PdP atas talian (Heckel & Ringeisen, 2019; Zimmermen & Kulikowich, 2016). Kelakuan pula menerangkan berkaitan tingkah laku pelajar ke arah objektif mereka terhadap pembelajaran dalam talian (Heckel & Ringeisen, 2019; Zimmermen & Kulikowich, 2016). Elemen persekitaran pula merujuk kepada suasana atau keadaan yang membantu mereka ke arah objektif pembelajaran atas talian (Heckel & Ringeisen, 2019; Zimmermen & Kulikowich, 2016). Efikasi sendiri yang baik dalam kalangan mahasiswa universiti dapat dilihat apabila ketiga-tiga elemen ini berfungsi dengan baik. Kajian ini akan melihat hubungan antara efikasi sendiri pelajar terhadap motivasi diri mereka.

Selain itu, pemboleh ubah yang tidak bersandar yang diguna pakai dalam kajian ini adalah keresahan diri. Keresahan diri merujuk kepada resah, gelisah dan takut yang semula jadi berlaku disebabkan faktor-faktor yang tertentu (Martin & Valdivia, 2017). Walaupun keresahan diri adalah emosi yang negatif namun pelajar perlu mengawal tahap perasaan tersebut dalam suasana pembelajaran dalam talian. Pelajar harus bijak mencari solusi untuk membantu mereka dalam mengawal perasaan resah sewaktu PdP dalam talian berlangsung.

Keresahan diri terhadap pembelajaran dalam talian dimaksudkan sebagai penilaian yang negatif disebabkan oleh pelajar terpaksa melalui sesi kelas atas talian yang sebelum ini mereka lalui secara fizikal bersemuka (Paul & Glassman, 2017).

Dalam kajian ini terdapat empat elemen dalam mengenal pasti keresahan diri iaitu penilaian kognitif, pencapaian emosi, kelakuan individu dan pencapaian akademik. Penilaian kognitif pelajar merujuk kepada jangkaan atau persepsi mereka terhadap pembelajaran dalam talian (Artino Jr & Jones II, 2012). Pencapaian emosi pula lebih ke arah perasaan positif atau negatif yang dialami mereka berdasarkan daripada jangkaan mereka atau pengalaman yang dirasai dalam sesi PdP atas talian (Artino Jr & Jones II, 2012). Kelakuan yang terhasil adalah berdasarkan emosi semasa pelajar ketika pembelajaran dalam talian sedang berlangsung (Artino Jr & Jones II, 2012). Seterusnya pencapaian akademik pula merujuk kepada jangkaan pelajar terhadap pelajaran mereka dalam kelas atas talian iaitu kesan daripada tindakan mereka (Artino Jr & Jones II, 2012). Kajian ini memperjelaskan satu hubungan antara keresahan diri pelajar terhadap motivasi diri dalam pembelajaran atas talian.

Di samping itu, dalam kajian ini terdapat satu pemboleh ubah yang bersandar iaitu motivasi diri. Motivasi ditafsirkan sebagai tindakan yang berupaya membawa individu terhadap sesuatu keputusan atau matlamat yang ditetapkan (Vroom, 1964 & Ernst, 2014). Motivasi diukur berdasarkan keputusan yang ditunjukkan daripada kedua-dua pemboleh ubah yang tidak bersandar. Motivasi pelajar dalam pembelajaran atas talian akan memperlihatkan sama ada kaedah ini membantu pelajar dalam meneruskan PdP atau tidak.

Motivasi diri pelajar dapat dilihat melalui kesanggupan untuk berusaha dan keseronokan dalam pembelajaran atas talian yang dilalui untuk memahami pelajaran mereka (Loh, 2019). Kajian ini menekankan motivasi melalui faktor motivasi dalaman. Motivasi dalaman merujuk kepada kelakuan atau tingkah laku seseorang yang dipengaruhi oleh matlamat dalaman individu seperti keseronokan, kepuasan atau minat yang mendalam (Ryan & Deci, 2000). Motivasi diri dalam kalangan pelajar khususnya mahasiswa universiti terhadap pembelajaran dalam talian wujud apabila mereka berasa puas dan seronok terhadap kaedah ini. Kajian ini memberikan fokus terhadap faktor-faktor yang menjadi peramal terhadap motivasi pelajar dalam pembelajaran atas talian.

1.9 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan ini mempunyai beberapa batasan yang tertentu. Pertama, kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada pelajar yang menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) sahaja. Kaedah serta instrumen yang digunakan hanya bersesuaian mengikut aras kefahaman penuntut di IPT. Kedua, kajian ini hanya tertumpu kepada teknik pembelajaran yang mengaplikasikan penggunaan ICT dalam pembelajaran sahaja. Hal ini kerana Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengarahkan warga pendidik menjalankan aktiviti pembelajaran secara "*home-based learning*" sewaktu pandemik COVID-19 yang melanda negara. Sebarang aktiviti pembelajaran secara bersemuka dihentikan buat seketika. Ketiga, skop kajian hanya memberikan fokus terhadap pelajar menuntut di IPT dalam negara sahaja. Hal demikian kerana pengambilan sampel dan data dilakukan terhadap penuntut yang mengambil kursus pengajian di IPT dalam negara. Akhir sekali, kajian yang dilaksanakan ini berbentuk kuantitatif yang hanya ada pengumpulan data kuantitatif sahaja.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti hubungan yang serentak antara efikasi sendiri, keresahan diri dan motivasi diri pelajar universiti dalam proses pembelajaran dalam talian. Sewaktu proses PdP yang dilaksanakan dalam talian, isu terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah menjadi perkara yang harus diketengahkan. Maka wujudlah kerangka konsep proses pembelajaran dalam talian yang memberikan impak terhadap efikasi sendiri, keresahan diri dan motivasi diri pelajar universiti.

Kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pelbagai pihak. Antaranya ialah pihak institusi pengajian tinggi (IPT), para pensyarah yang mengajar di IPT dan juga para pelajar yang terlibat dalam pelaksanaan pembelajaran dalam talian. Kajian yang dilakukan ini dapat memberikan maklumat dan menambah data empirikal khususnya dalam konteks pembelajaran dalam talian sewaktu situasi

penularan wabak COVID-19. Data yang diperolehi boleh menjadi sumber maklumat dan paduan rujukan kepada pengkaji yang lain.

1.10.1 Kepentingan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi input yang berguna kepada IPT mengenai tahap motivasi, tahap efikasi sendiri dan tahap keresahan diri pelajar terhadap pembelajaran dalam talian. Pihak IPT sama ada awam atau swasta boleh menggunakan kajian ini sebagai bahan rujukan untuk membantu proses PdP yang dijalankan dalam talian. Pihak pengurusan IPT diharapkan dapat memberikan sokongan dan bantuan kepada pensyarah dan juga penuntut universiti dalam usaha untuk menjayakan proses pembelajaran dalam talian. Kerangka konsep yang dihasilkan dapat dijadikan sumber rujukan kepada pihak IPT dalam usaha membantu pelajar supaya dapat mengikuti kelas dalam talian tanpa mengalami masalah. Pihak pengurusan IPT juga boleh membantu pensyarah dengan memberikan informasi atau pandangan terhadap proses PdP yang bersesuaian dengan menggunakan internet sebagai medium utama.

Pelajar akan lebih bermotivasi apabila medium pembelajaran yang digunakan ini berkesan dan mampu memberikan keseronokan kepada mereka. Begitu juga terhadap perkembangan efikasi sendiri pelajar yang baik memberikan satu impak yang positif terhadap diri mereka dalam pengajian atas talian. Keresahan diri pelajar juga perlu diperlu diberikan penekanan agar proses pembelajaran dalam talian ini berjalan dengan lancar dan boleh diterima oleh semua pihak.

1.10.2 Kepentingan kepada Pensyarah

Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat memberi input yang bermanfaat kepada pensyarah mengenai tahap motivasi, tahap efikasi sendiri, tahap keresahan diri pelajar serta hubungan yang serentak antara ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut terhadap pembelajaran dalam talian. Kajian boleh memberikan maklumat dan

panduan kepada pensyarah dalam pelaksanaan PdP dalam talian. Pendekatan yang dilakukan diharap membantu pensyarah untuk melancarkan proses penyampaian maklumat kepada pelajar melalui e-pembelajaran. Pensyarah boleh merancang untuk menjadikan pembelajaran dalam talian satu kaedah yang unik supaya membantu pelajar yakin terhadap teknik ini. Pensyarah juga perlu meneliti bahan yang bakal disampaikan kepada pelajar supaya pelajar mampu memahaminya sewaktu PdP berlangsung. Apabila pelajar memahami konteks pembelajaran, mereka akan berasa yakin dan seronok dengan kaedah ini secara tidak langsung mereka tidak berasa resah kerana pemahaman yang diperolehi. Seterusnya, membantu mereka untuk lebih bermotivasi dalam kaedah pembelajaran ini.

1.10.3 Kepentingan kepada Pelajar

Dapatan kajian yang diperolehi diharapkan dapat memberi input yang berguna untuk pelajar mengenai tahap motivasi, tahap efikasi sendiri dan tahap keresahan diri di kalangan mereka terhadap sesi pembelajaran dalam talian. Efikasi sendiri menjadi pemacu kepada motivasi pelajar dalam proses pembelajaran manakala keresahan diri boleh menjadi penyumbang kepada kemerosotan motivasi. Dapatan kajian ini akan memberikan manfaat kepada pelajar khususnya penuntut IPTA dan IPTS yang mengikuti pembelajaran dalam talian. Selain itu, pelajar didedahkan dengan maklumat berkaitan efikasi diri serta keresahan diri yang berlaku dalam pembelajaran dalam talian. Melalui maklumat ini, mereka perlu mempersiapkan diri dalam pembelajaran atas talian seterusnya merancang cara untuk membantu kefahaman mereka melalui kaedah pembelajaran ini. Diharapkan dengan maklumat yang diberikan, sedikit sebanyak membantu pelajar dalam menghadapi proses pembelajaran dalam talian.

1.11 Definasi Istilah

Terdapat empat istilah utama yang digunakan dalam kajian ini seperti yang dijelaskan pada subtopik 1.11.1 hingga 1.11.4.

1.11.1 Pembelajaran Dalam Talian

Penggunaan pembelajaran dalam talian di dalam negara Malaysia merupakan satu pendekatan yang baharu dalam dunia pendidikan (Yusup, 2012). Disebabkan penggunaan yang fleksibel dan memudahkan komunikasi antara pensyarah dan pelajar (Adzhar, Karim & Sahrin, 2017) menjadikannya sebagai medium pengganti kepada kaedah pembelajaran secara tradisional. Pembelajaran dalam talian boleh disebut sebagai e-pembelajaran atau m-pembelajaran. M-pembelajaran merujuk kepada penggunaan telefon bimbit sebagai pengganti komputer dalam proses PdP. Selain itu, ianya dikenali sebagai pembelajaran secara maya iaitu bersemuka yang menggunakan aplikasi seperti Cisco Webex, Google Meet atau Zoom. Kaedah ini hampir sama seperti kaedah bersemuka secara tradisional tetapi ianya melibatkan kemahiran ICT untuk mengendalikan proses tersebut.

Dalam kajian ini, pembelajaran dalam talian merujuk kepada sesi pembelajaran secara maya yang dijalankan oleh pensyarah bersama mahasiswa universiti. Kaedah pembelajaran yang dilakukan ini tidak bersemuka secara fizikal lagi sebaliknya menggunakan kemudahan ICT untuk mewujudkan suasana seperti PdP di dalam kelas.

1.11.2 Efikasi Kendiri

Efikasi kendiri merujuk kepada kepercayaan kepada kemampuan individu untuk menyelesaikan tugas dengan jayanya (Paul & Glassman, 2017). Efikasi kendiri juga boleh diertikan sebagai keyakinan dan jangkaan keupayaan mereka untuk memperolehi pencapaian yang baik dalam matlamat mereka (Bandura, 1986; Rohatgi, Scherer & Hatlevik, 2016).

Dalam konteks kajian, efikasi kendiri dilihat melalui kepercayaan terhadap keupayaan pelajar meneruskan kaedah pembelajaran yang baharu dalam menghadapi pasca COVID-19. Efikasi kendiri adalah salah satu elemen yang memacu kepada motivasi pelajar menerusi teori sosial kognitif yang dijelaskan oleh Bandura. Efikasi

kendiri merangkumi tiga aspek utama iaitu kognitif, kelakuan dan persekitaran. Efikasi sendiri yang berkaitan dengan penglibatan teknologi membawa maksud individu mengadapatasi penggunaan ICT dalam pembelajaran yang dilaluinya. Instrumen yang diguna pakai bagi mengukur efikasi sendiri pelajar dalam kajian ini ialah adaptasi "*Self-Efficacy Questionnaire for Online Learning*" atau (SeQoL) (Tsai, Cho, Marra & Chen, 2020).

1.11.3 Keresahan Diri

Keresahan diri merujuk kepada ketakutan, kegelisahan dan kebimbangan terhadap perkara yang perlu dilalui oleh individu daripada kebiasaannya (Majid, Sharil, Luaran & Nadzri, 2012). Hal ini bermaksud individu mengalami perasaan resah apabila dikehendaki melakukan sesuatu perkara yang menjadi kebiasaan tetapi cara pelaksanaannya perlu diubah. Selain itu, keresahan boleh diertikan sebagai emosi yang membawa perasaan takut dan tidak stabil apabila terdapat ancaman yang mengugat keyakinan individu yang melakukan sesuatu perkara (Ajmal & Ahmad, 2019).

Dalam konteks kajian ini keresahan membawa maksud pelajar yang mengalami emosi resah dan gelisah ketika sesi pembelajaran dalam talian sedang berlaku. Keresahan mereka berpunca daripada penglibatan teknologi yang diguna pakai melalui gaya pengajaran dan pembelajaran sewaktu dalam pandemik COVID-19 berlaku. Kajian ini menggunakan instrumen adaptasi "*Anxiety Scale Item*" (Bolliger & Halupa, 2011) sebagai pengukur tahap keresahan pelajar dalam pembelajaran atas talian.

1.11.4 Motivasi Diri

Motivasi diri bermaksud kemunculan perasaan untuk berubah dalam diri individu yang membawa hasrat untuk mencapai cita-cita yang tertentu (Larasati & Nikmah, 2020). Menurut Rosly dan Khalid (2017) motivasi diri merujuk kepada

mukadimah bagi perjalanan memperbaiki tingkah laku yang bermatlamatkan sesuatu. Motivasi menjadi satu aspek yang penting dalam memacu pencapaian seseorang khususnya dalam konteks akademik (Hartnett, 2016; Deci & Ryan, 2000).

Dalam konteks kajian ini motivasi terhadap pembelajaran dalam talian boleh diertikan sebagai perasaan seronok dan bersemangat pelajar untuk menggunakan kemudahan ICT sebagai medium pembelajaran dalam talian. Kajian ini menggunakan adaptasi "*Academic Motivation Scale*" (Vallerand & Blssonnette, 1992) sebagai instrumen untuk melihat tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran atas talian.

1.12 Penutup

Secara keseluruhannya dalam Bab 1 ini memberikan gambaran mengenai latar belakang masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan kepentingannya. Dalam bab ini juga menerangkan kerangka teori dan kerangka konsep yang menjadi asas kepada kajian yang bakal dijalankan. Skop kajian dan definasi konsep juga telah dinyatakan dalam bab ini. Bab 2 akan membincangkan dengan lebih lanjut berkaitan dengan teori-teori serta kajian literatur yang terdahulu mengenai pembelajaran dalam talian dalam aspek efikasi sendiri, keresahan diri serta kajian-kajian yang menunjukkan motivasi pelajar yang ditunjukkan melalui pembelajaran dalam talian.

RUJUKAN

- Ab Hamid, N. A., & Abd Rahman, M. J. (2021). Penerimaan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Terhadap Pembelajaran Dalam Talian: Tinjauan Di Daerah Muallim Perak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 164-173.
- Abd Hamid, H., Baharum, M., & Sarkowi, A. (2020). Pengaruh efikasi sendiri terhadap motivasi dan pencapaian akademik siswa pendidik. *Jurnal IPDA*, 26(1), 104-112.
- Abdous, M. H. (2019). Influence of satisfaction and preparedness on online students' feelings of anxiety. *The Internet and Higher Education*, 41, 34-44.
- Abdulghani, H. M., Sattar, K., Ahmad, T., & Akram, A. (2020). Association of COVID-19 pandemic with undergraduate medical students' perceived stress and coping. *Psychology Research and Behavior Management*, 13, 871.
- Abdullah, S. M. (2019). Social cognitive theory: A Bandura thought review published in 1982-2012. *Psikodimensia*, 18(1), 85-100.
- Abdul Rahman, M. S., Libasin, Z., Warris, S. N., & Mustapa, F. H. (2020). Teaching and learning in higher education (TLHE). *Articles of Teaching and Learning in Higher Education (TLHE)*, 1, 1-172.
- Ab Rahman, R., Musa, R. A. S. R., & Fouzi, M. S. M. (2020). Kesiediaan dan Motivasi Pelajar Kolej Komuniti Negeri Perak untuk Menghadapi Norma Baharu Sewaktu Pandemik Coronavirus Disease (COVID-19): Pembelajaran Secara atas Talian. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 28-40.
- Adesola, S. A., & Li, Y. (2018). The relationship between self-regulation, self-efficacy, test anxiety and motivation. *International Journal of Information and Education Technology*, 8(10), 759-763.
- Adnan, M. A. M., & Ghazali, Z. (2018). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa dan Efikasi Kendiri: Kajian Ke Atas Pelajar Universiti di Semenanjung Malaysia. *SARJANA*, 26(1), 81-99.
- Adzhar, H., Karim, A. A., & Sahrin, M. U. (2017). Pembangunan Instrumen Penerimaan E-Pembelajaran Pelajar Pascasiswazah Menggunakan Analisis Rasch (Development Instrument Acceptance of E-learning Postgraduate

- Students Using Rasch Analysis). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 42(2), 147-155.
- Ahad, N., Hamid, M. F. A., Noor, A. M., & Lazin, Z. (2020). Analisis Faktor Tekanan Yang Mempengaruhi Pelajar Kolej Komuniti Negeri Johor Ketika Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 158-172.
- Ahmad, H., & Tasir, Z. (2018). Kesan Penggunaan Aplikasi Mobil Terhadap Kemahiran Literasi Bahasa Melayu Pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (The Effect of Mobile Application towards Malay Language Literacy Skill of Special Education Student with Learning Disabilities). *Innovative Teaching and Learning Journal (ITLJ)*, 2(2), 1-16.
- Aisyah, N., & Muna, W. (2019). COGGLE: SWOT ANALYSIS IN LIFELONG LEARNING EDUCATION USING ONLINE COLLABORATIVE MIND-MAPPING. Ajmal, M., & Ahmad, S. (2019). Exploration of Anxiety Factors among Students of Distance Learning: A Case Study of Allama Iqbal Open University. *Bulletin of Education and Research*, 41(2), 67-78.
- Alase, A. (2017) The Interpretative Phenomenological Analysis (IPA): A Guide to a Good Qualitative Research Approach. *International Journal of Education & Literacy Studies*, 5, 9-19.
- Alavi, S. M., Borzabadi, D., & Dashtestani, R. (2016). Computer Literacy in Learning Academic English: Iranian EAP Students' and Instructors' Attitudes and Perspectives. *Teaching English with Technology*, 16(4), 56-77.
- Alias, N. A. (2012). Design of a motivational scaffold for the Malaysian e-learning environment. *Journal of Educational Technology & Society*, 15(1), 137-151.
- Ali, D. F., & Kadir, N. A. (2018). M-Pembelajaran Aplikasi Android bagi Kursus Binaan Bangunan (M-Learning-based Android Application for Building Construction Course). *Innovative Teaching and Learning Journal (ITLJ)*, 2(2), 32-42.
- Almalki, S. A. (2019). Influence of motivation on academic performance among dental college students. *Open access Macedonian journal of medical sciences*, 7(8), 1374.
- Alqurashi, E. (2016). Self-efficacy in online learning environments: A literature review. *Contemporary Issues in Education Research (CIER)*, 9(1), 45-52.

- Amin, N. A. M., & Nasri, N. M. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 344-361.
- Artino Jr, A. R., Holmboe, E. S., & Durning, S. J. (2012). Control-value theory: Using achievement emotions to improve understanding of motivation, learning, and performance in medical education: AMEE Guide No. 64. *Medical teacher*, 34(3), 148 -160.
- Artino Jr, A. R., & Jones II, K. D. (2012). Exploring the complex relations between achievement emotions and self-regulated learning behaviors in online learning. *The Internet and Higher Education*, 15(3), 170-175.
- Ary, D., Jacobs, L. C., Irvine, C. K. S., & Walker, D. (2018). *Introduction to research in education*. Cengage Learning.
- Aydin, Y. I. Ç., Uzuntiryaki, E., & Demirdög'en, B. (2011). Interplay of motivational and cognitive strategies in predicting self-efficacy and anxiety. *Educational Psychology*, 31(1), 55-66.
- Aziz, A. R. A., Shafie, A. A. H., Lee, U. H. M. S., & Ashaari, R. N. S. R. (2020). Strategi pembangunan aspek kesejahteraan sendiri bagi mendepani tekanan akademik semasa wabak Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 16-30.
- Azlan, C. A., Wong, J. H. D., Tan, L. K., Huri, M. S. N. A., Ung, N. M., Pallath, V., ... & Ng, K. H. (2020). Teaching and learning of postgraduate medical physics using Internet-based e-learning during the COVID-19 pandemic—A case study from Malaysia. *Physica Medica*, 80, 10-16.
- Azmi, N. A., & Rasalli, R. I. Z. (2018, May). Kesiediaan penggunaan massive open online course (MOOC) dalam kalangan pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan, Kolej Komuniti Ledang. In *International Conference on Global Education VI (ICGE VI)*. Pulau Pinang: Politeknik Seberang Perai (pp. 7-8).
- Azrai, E. P., Evriyani, D., & Prastya, A. R. (2016). Hubungan tingkat kecemasan siswa dalam menghadapi tes dengan tingkat motivasi belajar biologi pada siswa kelas X MIA SMA Negeri 21 Jakarta. *Biosfer: Jurnal Pendidikan Biologi*, 9(1), 47-54.
- Baber, H. (2020). Determinants of students' perceived learning outcome and satisfaction in online learning during the pandemic of COVID-19. *Journal of Education and e-Learning Research*, 7(3), 285-292.

- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action : A social cognitive theory*. Englewood Cliffs : Prentice Hall.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological review*, 84, 191-215.
- Berne, E. (1968). *Games people play: The psychology of human relationships* (Vol. 2768). Penguin Uk.
- Bolatov, A. K., Seisembekov, T. Z., Askarova, A. Z., Baikanova, R. K., Smailova, D. S., & Fabbro, E. (2021). Online-learning due to COVID-19 improved mental health among medical students. *Medical science educator*, 31(1), 183-192.
- Bolliger, D. U., & Halupa, C. (2012). Student perceptions of satisfaction and anxiety in an online doctoral program. *Distance Education*, 33(1), 81-98.
- Bozkurt, G. (2016). Mathematics Teachers and ICT: Factors Affecting Pre-Service Use in School Placements. *International Journal of Research in Education and Science*, 2(2), 453-468.
- Burstein, L. (1980). Chapter 4: The Analysis of Multilevel Data in Educational Research and Evaluation. *Review of Research in Education*, 8(1), 158–233.
- Chang, C. S., Liu, E. Z. F., Sung, H. Y., Lin, C. H., Chen, N. S., & Cheng, S. S. (2014). Effects of online college student's Internet self-efficacy on learning motivation and performance. *Innovations in education and teaching international*, 51(4), 366-377.
- Chear, S. L. S. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta (Teaching and Learning Through WhatsApp and Telegram Application at a Private University). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 42(2), 87-97.
- Chen, K. C., & Jang, S. J. (2010). Motivation in online learning: Testing a model of self-determination theory. *Computers in Human Behavior*, 26(4), 741-752.
- Cho, M. H., & Kim, B. J. (2013). Students' self-regulation for interaction with others in online learning environments. *Internet and Higher Education*, 17, 69–75.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Education
- Chung, E., Subramaniam, G., & Dass, L. C. (2020). Online Learning Readiness among University Students in Malaysia amidst COVID-19. *Asian Journal of University Education*, 16(2), 46-58.

- Cooper, K. M., Downing, V. R., & Brownell, S. E. (2018). The influence of active learning practices on student anxiety in large-enrollment college science classrooms. *International Journal of STEM Education*, 5(1), 1-18.
- Creswell, J. W. (2012). Educational research: planning. *Conducting, and Evaluating*.
- Creswell, J. W. (2008). Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Creswell, J. W. (2007). Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. New Jersey: Upper Saddle River.
- Curtis, E. A., Comiskey, C., & Dempsey, O. (2016). Importance and use of correlational research. *Nurse Researcher*, 23(6), 20–25.
- Dabbagh, N., & Kitsantas, A. (2012). Personal learning environments, social media, and self-regulated learning: A natural formula for connecting formal and informal learning. *The Internet and Higher Education*, 15(1), 3–8.
- Daniels, L. M., & Stupnisky, R. H. (2012). Not that different in theory: Discussing the control-value theory of emotions in online learning environments. *The Internet and Higher Education*, 15(3), 222-226.
- Davies, J. A. (1971). Elementary survey analysis. New Jersey: Prentice Hall.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2002). Handbook of self-determination research. Rochester, NY: University of Rochester Press.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2002). Self-determination research: Reflections and future directions.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The " what" and " why" of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological inquiry*, 11(4), 227-268.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1991). A motivational approach to self: Integration in personality. In R. Dienstbier (Ed.). Nebraska Symposium on motivation: Perspectives on motivation (Vol. 38, pp. 237–288). Lincoln: University of Nebraska Press.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). The general causality orientations scale: Self-determination in personality. *Journal of research in personality*, 19(2), 109-134.

- Dörnyei, Z. (2007). Creating a motivating classroom environment. In *International handbook of English language teaching* (pp. 719-731). Springer, Boston, MA.
- Dull, R. B., Schleifer, L. L., & McMillan, J. J. (2015). Achievement goal theory: The relationship of accounting students' goal orientations with self-efficacy, anxiety, and achievement. *Accounting Education*, 24(2), 152-174.
- Eldy, E. F., & Sulaiman, F. (2015). E-Learning in Physics Courses: A Preliminary of Students' Acceptance. *International Journal of Technical Research and Applications, Special*, (30), 21-23.
- Elnakeeb, M., & Khalifa, S. M. A. (2016). The relationship between online learning readiness and social interaction anxiety among nursing students in Alexandria University. *World J. Nurs. Sci*, 2, 140-152.
- Endraswara, S. (2006). *Metode, Teori, Teknik Penelitian Kebudayaan*. Pustaka Widyatama.
- Ernst, R. E. (2014). *Large igneous provinces*. Cambridge University Press.
- Etikan, I., Musa, S. A. & Alkassim, R. S. (2016) .Comparison of Convenience Sampling and Purposive Sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*. Vol. 5, No.1, 2016, pp. 1-4.
- Fatmawati, U. (2020, September). Pemahaman covid-19 dan dampaknya terhadap proses pembelajaran daring selama pandemi bagi mahasiswa Prodi Farmasi Fakultas Ilmu Kesehatan dan Sains Universitas PGRI Madiun. In *Prosiding Seminar Nasional Fakultas Ilmu Kesehatan dan Sains* (Vol. 1, No. 1).
- Fitriyani, Y., Fauzi, I., & Sari, M. Z. (2020). Motivasi belajar mahasiswa pada pembelajaran daring selama pandemik covid-19. *Jurnal Kependidikan: Jurnal Hasil Penelitian dan Kajian Kepustakaan di Bidang Pendidikan, Pengajaran dan Pembelajaran*, 6(2), 165-175.
- Fraenkel, J. R., & Wallen N.E. (2007). *How to Design and Evaluate Research in Education* (6th).Singapore: McGraw Hill.
